

## Menghayati Pengajaran Di Sebalik Hari Kiamat

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي شَرَعَ لِلنَّاسِ مَا فِيهِ مَصْلَحَتُهُمْ فَأَمَرَهُمْ بِكُلِّ مَا فِيهِ نَفْعُهُمْ وَنَهَاهُمْ عَنِ كُلِّ مَا يَضُرُّهُمْ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الَّذِي أَعَزَّهُمْ بِهِ بَعْدَ الذُّلِّ وَجَمَعَهُمْ بِهِ بَعْدَ الْفُرْقَةِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَهْلِ النَّجْدَةِ وَالشَّهَامَةِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَعَلَانِيَتَكُمْ.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Pada hari yang penuh barakah ini, marilah kita kukuhkan ketakwaan kepada Allah s.w.t. Amalkanlah segala suruhan-Nya dan jauhilah larangan-Nya sejauh mungkin. Semoga ketakwaan ini akan memberikan kita kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Saudara,

Antara rukun keimanan adalah meyakini bahawa hari kiamat itu adalah benar dan bagi keseluruhan alam ini ada kesudahan dan penghujungnya. Al-Quran menjelaskan bahawa dunia ini merupakan tempat persinggahan sementara dan hari Kiamat itu adalah suatu kepastian. Allah s.w.t. telah merakamkan gempita

dan keadaan sebahagian insan pada hari kiamat melalui firmanNya di dalam surah Abasa ayat 33-37 yang berbunyi:

فَإِذَا جَاءَتِ الصَّاحَةُ ﴿٣٣﴾ يَوْمَ يَفِرُّ الْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ  
﴿٣٤﴾ وَأُمِّهِ وَأَبِيهِ ﴿٣٥﴾ وَصَحْبَتِهِ وَبَنِيهِ ﴿٣٦﴾ لِكُلِّ  
أَمْرٍ مِنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ يُغْنِيهِ ﴿٣٧﴾

Ertinya: “Kemudian (ingatlah keadaan yang berlaku) apabila datang suara jeritan yang dahsyat, pada hari seseorang itu lari dari saudaranya, dan ibu serta bapanya, dan isteri serta anaknya; kerana bagi setiap insan pada hari itu, ada kesibukkan dirinya sahaja.”

Bayangkan saudara sekalian, di dunia ini kita telah mendengar bahkan melihat bagaimana seorang ibu atau bapa sanggup mengorbankan nyawa untuk menyelamatkan mereka yang tersayang. Kita tidak akan sanggup meninggalkan orang yang kita amat sayangi dalam penderitaan. Namun, lantaran kedahsyatan hari Kiamat nanti, kita tidak akan sempat mengingati keadaan mereka. Semuanya di padang Mahsyar berada dalam keadaan takut dan risau akan hal keadaan sendiri. Cukup baginya hal keadaan dan dosa kesilapannya; jangan sampai ada orang lain yang ingin menuntut apa-apa dari

dirinya. Begitulah keadaan orang yang lalai akan amalan agama.

Adapun orang beriman dan ahli keluarganya, keadaan mereka terpelihara dengan rahmat Allah s.w.t. Allah berfirman dalam surah Al-Thur ayat 21:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ  
ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَا أَلَتْنَاهُمْ مِّنْ عَمَلِهِمْ مِّنْ شَيْءٍ كُلُّ امْرِئٍ بِمَا  
كَسَبَ رَهِينٌ ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: *“Dan orang-orang yang beriman, dan zuriat keturunan turut sama beriman, akan Kami pertemukan zuriatnya dengan mereka (di dalam Syurga) dan Kami tidak mengurangi sedikitpun dari pahala amal-amal mereka; setiap insan terikat dengan amal yang dikerjakan..”*

Namun saudara, pernahkah kita bertanya mengapakah harus kita ini beriman dengan Kiamat? Apakah kesan yang diharapkan daripada keimanan ini? Adakah cukup setakat kita mengetahui tanda-tanda kiamat dan kita cuba mencarinya sahaja? Atau sebenarnya tujuannya lebih mendalam dan meluas? Pernah diriwayatkan Imam Muslim dari Anas r.a. bahawa seorang Arab badawi datang menemui Rasulullah

s.a.w. lalu bertanya: *“Ya Rasulallah, bilakah hari kiamat akan tiba?”* Rasulullah s.a.w. membalas dengan soalan yang amat penting: *“Apakah yang telah kamu sediakan untuknya?”*

Subhanallah, ada kalanya didapati sebahagian daripada kita lebih teruja untuk mencari tanda-tanda kiamat dan meneka bilakah ia akan tiba, ibarat ia satu perlumbaan. Sedangkan antara tujuan mengenal atau mencari tanda tersebut adalah agar kita insaf memikirkan tentang persiapan kita untuk berhadapan dengan hari kiamat. Apakah amalan-amalan yang akan kita persembahkan di hadapan Allah nanti?

Saudara,

Keimanan kepada hari Kiamat seharusnya meningkatkan kegigihan seorang mukmin untuk melakukan ketaatan. Ini kerana beliau yakin bahawa dirinya bertanggungjawab terhadap setiap tingkah laku dan nikmat kurniaan Allah kepadanya. Setiap sesuatu akan dipersoalkan dan diperhitungkan.

Oleh itu, insan yang menghayati maksud sebenar kiamat itu, akan semakin memperhalusi amal ibadahnya. Setiap hak individu ditunaikan dan setiap amanah dilaksanakan dengan sungguh-sungguh.

Seorang suami akan sentiasa memerhatikan amanahnya kepada isteri dengan memeliharanya, memperlakukannya

dengan baik serta melengkapkan keperluannya. Seorang ayah juga menitikberatkan amanah penjagaan anak-anak dengan mendidiknya. Seorang anak menunaikan amanahnya kepada ibu bapanya dengan berlaku baik kepada mereka.

Antara natijah beriman dengan pertanggungjawaban pada hari Kiamat juga adalah ia seharusnya menjadikan kita ini orang yang tidak sanggup melakukan kemaksiatan. Setiap kali kita ini ingin bermaksiat sama ada mencuri, menipu, menzalimi orang, menjatuhkan maruah orang dan sebagainya, keimanan dan takutnya kita kepada siksa di hari Kiamat akan menghalang kita daripadanya.

Bahkan mukmin yang beriman dengan hari akhirat juga tidak mengkhianati harta saudaranya. Apabila beliau menyimpan harta peninggalan si mati -sebagai contoh- beliau memulangkan semula kepada ahli waris, samada jumlah harta tersebut adalah sedikit mahupun banyak jumlahnya. Berbeza mereka yang lalai akan hari akhirat. Maka beliau tidak mengendahkan dari mana datang hartanya, halal ataupun haram, Allah redha ataupun murka.

Saudaraku,

Marilah kita memperbanyakkan amalan soleh sebagai bekalan di hari akhirat. Mulakan dari hari ini saudaraku, jangan pula menanti bulan Ramadan, ataupun menanti suatu masa yang dianggap sesuai untuk memulakan amalan. Kerana umur, ajal dan rezeki ketetapan Tuhan. Walaupun hari ini masih lagi berada di dalam gengaman kita, esok lusa belum tentu lagi kita diberi peluang yang sama.

Semoga keimanan kita kepada hari Kiamat akan menjadikan kita hamba-hamba-Nya yang mendapat kebaikan di dunia dan akhirat. Amin ya rabbal 'alamin.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ يَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .